

17 AUG 2001

SAID-UGANDA

AFRIKA BERMINAT MENDALAMI PERKONGSIAN PINTAR

Oleh: Mikhail Raj Abdullah

KAMPALA, 17 Ogos (Bernama) -- Baru minggu lepas, Perkongsian Komanwel bagi Pengurusan Teknologi (CPTM), penganjur edisi ke enam Dialog Antarabangsa Perkongsian Pintar Global 2001 di Uganda yang bermula di sini pada Sabtu ini memuktamadkan program bagi kira-kira 350 peserta.

Bagaimanapun, dengan tidak sampai sehari lagi sebelum dialog itu bermula, mereka berdepan dengan masalah logistik -- pendaftaran bagi peserta telah meningkat kepada 700 delegasi kebanyakannya dari negara tuan rumah, Uganda dan negara-negara Afrika lain.

"Menguruskan sejumlah besar peserta dalam satu majlis dialog adalah suatu yang mencabar," kata Tan Sri Dr Omar Abdul Rahman, pengerusi CPTM dan Penyelaras bagi Projek-Projek Khas kepada Perdana Menteri.

Bagaimanapun, beliau mengakui penyertaan besar itu mencerminkan minat daripada peserta-peserta Afrika untuk meneroka konsep perkongsian pintar dengan lebih mendalam lagi.

Perkongsian pintar yang diilhamkan oleh Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad yang berlandaskan kepada konsep "memakmurkan jiran", pertama kali diperkenalkan di Dialog Antarabangsa Langkawi (LID) pada 1995.

Sejak itu, ia mula popular di Afrika menerusi lima edisi dialog sebelum ini di negara-negara Selatan Afrika dan kini dengan edisi keenam -- buat pertama kalinya beralih ke Afrika Timurnya - membuktikan bahawa perkongsian pintar jelas membawa keuntungan besar kepada yang menerima pakainya.

Uganda, di bawah Presiden Yoweri Museveni, mahu meraih sebanyak mungkin faedah daripada dialog itu terutama dalam mempelajari pengalaman daripada negara-negara lain dalam menarik pelaburan langsung asing (FDI) menerusi perkongsian pintar.

Peserta utama yang menghadirinya buat pertama kali adalah setiausaha agung Komanwel Don Mckinnon.

Dikendalikan dalam bentuk yang tidak rasmi, dialog itu akan diadakan di Speke Resort, Munyonyo Village, 15 kilometer di luar ibu kota Uganda.

Dr Mahathir, yang tiba di sini Sabtu lalu bersama dengan Datuk Seri Dr Siti Hasmah Mohd Ali selepas selesai melakukan lawatan rasmi ke Yemen, akan mengetuai delegasi Malaysia ke pusat peranginan tersebut untuk berbincang dan menyumbang saran idea dengan peserta lain mengenai bagaimana untuk bekerjasama dan maju dalam sejumlah besar sektor termasuk perdagangan dan pelaburan, pendidikan, pembangunan kawasan luar bandar, media dan maklumat dan teknologi maklumat.

Malaysia akan berkongsi pengalaman dalam mengukuhkan kemasukan FDI dan menangani masalah berkaitan dengan FDI kerana ia memainkan peranan penting dalam menyediakan sokongan yang diperlukan kepada ekonomi-ekonomi Afrika yang masih jauh ketinggalan.

Dr Omar berkata semalam, cabaran utama bagi perhimpunan sebesar itu adalah dalam menguruskan gabungan peserta yang baik bagi wujud penyuburan silang idea dan dalam mengenalpasti peranan peserta agar mereka mampu memanfaatkan dialog tersebut.

Acara utama dialog tersebut adalah majlis pelancaran Smart News Network International (SNNi) pada Isnin, pertukaran berita daripada negara membangun dan akses menerusi gerbang Internet, di mana ianya mencerminkan kejayaan usaha sama perkongsian pintar antara organisasi media.

Menerusi SNNI, beberapa organisasi media Afrika bersama empat dari Malaysia termasuk Pertubuhan Berita Nasional (Bernama), the New Straits Times, the Star dan Utusan Malaysia, akan menyumbang bahan-bahan berita

kepada gerbang tersebut.

Bahagian penting lain perbincangan itu akan menyentuh pembangunan sosial di mana Dr Siti Hasmah, yang mempunyai pendirian aktif bagi isu sosial global telah mempelawa Wanita Pertama Uganda, Mrs Janet Museveni, untuk mengetuai perbincangan dalam kumpulan isu sosial.

Dr Siti Hasmah akan menumpukan kepada pendidikan, pembangunan luar bandar dan program pembasmian kemiskinan di mana Menteri bagi Pembangunan Luar Bandar Datuk Azmi Khalid, dijangka mengengahkan beberapa isu untuk diperbincangkan.

Peserta lain dalam delegasi Malaysia yang dijangka mengambil bahagian termasuklah Menteri Tenaga, Komunikasi dan Multimedia Datuk Amar Leo Moggie, Penasihat Sains kepada Perdana Menteri Tan Sri Dr Ahmad Zaharuddin Idrus, pengarah urusan kumpulan Bina Puri Holdings, Tan Sri Tee Hock Seng, dan ketua pegawai eksekutif Telekom Malaysia Datuk Dr Md Khir Abdul Rahman.

-- BERNAMA

MR SEL ZK